



UTeM TEKAD UNGGULI

PROTON Green Mobility Challenge 2012

29 Februari : UTeM melaungkan tekad untuk mengungguli pertandingan inovasi automotif berteraskan teknologi hijau iaitu PROTON Green Mobility Challenge 2012 yang akan berlangsung pada bulan Oktober ini.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan yang ditemui pada majlis penyerahan replika kunci kereta PROTON di Putrajaya.

Menurut beliau, pasukan UTeM merupakan gabungan tenaga antara Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Fakulti kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) akan sama-sama berganding bahu menggalas cabaran menghasilkan kereta elektrik yang menepati kehendak pertandingan itu.

“PROTON Green Mobility Challenge merupakan satu pertandingan membangunkan kereta elektrik mesra alam menggunakan model Saga dan berdasarkan kepakaran dan pengalaman yang ada pada UTeM, kami yakin akan memberi saingan kepada pasukan lain,” jelas Dr. Ahmad Yusoff.

Menurutnya lagi kerjasama daripada tiga fakulti di universiti itu bakal menghasilkan kenderaan elektrik yang mesra alam di samping memiliki tahap prestasi tinggi seperti yang diharapkan.

Sesi penyerahan replika kunci kepada pasukan yang mengambil bahagian telah disempurnakan oleh Perdana Menteri YAB Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak. Turut hadir Pengerusi PROTON Holdings Berhad, Datuk Seri Mohamad Nadzmi Mohamad Salleh serta Pengarah Urusan PROTON, Datuk Seri Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir.

Pertandingan anjuran PROTON dengan kerjasama Agensi Inovasi Malaysia (AIM) bertujuan memupuk budaya inovasi di kalangan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) seluruh negara bagi menepati kehendak industri dan kerajaan. Dalam majlis yang sama, selain penyerahan replika kunci kereta Proton Saga, setiap IPT yang terpilih juga diberi peruntukan sebanyak RM 20,000 bagi menjayakan pertandingan itu.

Pertandingan akhir akan diadakan pada 4 hingga 7 Oktober di Litar Antarabangsa Sepang (SIC). Cabaran ini adalah yang seumpamanya diperkenalkan di Malaysia dan diharapkan setiap IPT yang terlibat dapat mempamerkan kesungguhan dalam menghasilkan kereta pertama Malaysia yang berfungsi menggunakan elektrik sepenuhnya serta mesra alam.

KANDUNGAN

UTeM Tekad Ungguli Proton Green Mobility Challenge 2012 | Bengkel Pelan Strategik 2012 - 2020 | UTeM dan Politeknik Rangka Jalinan Strategik Dua Hala
Majlis Dialog Pemimpin Mahasiswa Bersama Pengurusan Universiti Capai Matlamat | Pusanita Cawangan UTeM Bergerak Seiring Wawasan Negara |
Lawatan Penilaian Akreditasi Oleh MQA Bagi Program Diploma Kejuruteraan UTeM | UTeM Tuan Rumah Karnival Sukan IPT MELAKA 2012 | Pelajar FKM
Hasilkan Kenderaan Elektrik untuk PDRM | UTeM Naib Juara Kejohanan Ragbi 10 Sepasukan Tertutup Melaka | Lawatan Industri Beri Pendedahan Berguna
Pelajar FKE | Pertandingan Menembak Kor Suksis | Pelajar FTK Cemerlang di Pertandingan “Amphibious Electric Vehicle (Aev) 2012” | Mahasiswa Pupuk
Kesedaran Banteras Gejala Rasuah | Pertandingan Kenderaan Amfibia Berkuasa Solar | Pelajar Cemerlang FPTT & FKE Diraikan | Pusat Islam Anjur Aktiviti
Sempena Musim Cuti Sekolah | Perpustakaan UTeM Peningkat Kualiti Perkhidmatan Melalui Penggunaan Teknologi | FKM Ungguli Pertandingan Dikir Barat
Antara Fakulti | Naib Canselor UTeM Rasmi Kejohanan Olahraga KYS | Hari keluarga FKE Berlangsung Meriah | Klinik Pelajar Anjur Program Kesedaran
Penyakit Tibi | Pejabat HEPA Anjur Program Kerohanian Terap Penghayatan Islam | Kelahiran Mac 2012 | Temasya Olahraga Tahunan | Program ‘Jom Sihat’
Cetus Budaya Hidup Aktif Medan Cungkil Bakat Baru | Personaliti Pilihan



Editor BERITA@UTeM

KETUA EDITOR :

Fazidah Binti Ithnin

WARTAWAN :

Mohd Khairulhusaini Bin Mohd Saad
Bob Faizeli Bin Mohamed Din

REKA BENTUK GRAFIK :

Aziza Binti Md Buang
Shahril Hazizi Bin Abu Bakar

JURUFOTO :

Md. Nor Bin Mohamad Saleh
Nurulidayu Binti Talib
Mohd Farid Bin Supangi
Asri Bin Abu

PENGEDARAN :

Yang Sarinah Binti Mohd Talib
Mohammad Taufik Bin Osman



UTeM & Politeknik Rangka Jalinan Strategik Dua Hala

27 Mac : Satu mesyuarat membincangkan jalinan kerjasama strategik di antara Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) dengan Politeknik telah diadakan di Bilik Mesyuarat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) hari ini.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan serta dihadiri oleh wakil-wakil dari Politeknik Ungku Omar, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Politeknik Sultan Azlan Shah serta wakil Jabatan Pengajian Politeknik KPT.

Objektif utama diadakan mesyuarat itu ialah bagi memperkemas lagi skop kerjasama dua hala antara UTeM, MTUN dan Politeknik dalam bidang akademik khususnya bagi program berkembar dalam bidang elektronik dan mekanikal.

Dengan terjalannya hubungan ini maka sudah semestinya akan memperkukuhkan lagi hubungan antara Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di bawah satu bumbung Kementerian Pengajian Tinggi bagi sama-sama melahirkan graduan teknikal yang cemerlang dan berkebolehpasaran tinggi.



Majlis DIALOG PEMIMPIN MAHASISWA bersama PENGURUSAN UNIVERSITI CAPAI MATLAMAT

7 Mac : Seramai 300 orang pelajar terdiri daripada pemimpin kelab dan persatuan serta wakil Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah menghadiri Majlis Dialog Pemimpin Mahasiswa Bersama Pengurusan Universiti bertempat di Auditorium Pusat Pengajian Siswazah (PPS).

Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan, barisan pengurusan tertinggi universiti dan pegawai-pegawai kanan hadir ke majlis tersebut yang berfungsi sebagai platform kepada mahasiswa untuk menyuarakan pendapat serta maklumbalas terhadap pembangunan universiti termasuk pelbagai aspek berkaitan urusan harian pelajar.

Menjawab pertanyaan mahasiswa Dr. Ahmad Yusoff menjelaskan bahawa pengurusan tertinggi sentiasa mengutamakan kesejahteraan warganya dan pembinaan kemudahan khusus untuk pelajar amat dititikberatkan.

Jelasnya lagi, pembinaan asrama pelajar, tambahan kemudahan pejalan kaki, pembinaan venue sukan serta klinik pelajar merupakan perkara yang sangat diberi perhatian dan ada di antara projek itu sedang dalam pembinaan.

Beliau berharap dengan adanya kemudahan tersebut, mahasiswa akan berasa lebih selesa dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pelajar dan seterusnya menjadi graduan yang menyumbang kepada kemajuan negara kita.

Hadir sama pada majlis itu, Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Pembangunan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Hairolanuar Mohamad serta Penolong Pengarah Kanan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) Shamsuddin Abdullah.

Bengkel PELAN STRATEGIK UTeM 2012-2020

29 Mac : UTeM terus merangka strategi baru bagi menghadapi pelbagai cabaran mendatang dalam usaha menjadi sebuah universiti teknikal tersohor di negara ini mahupun di peringkat antarabangsa.

Justeru, Bengkel Pelan Strategik UTeM 2012-2020 telah diadakan bagi memperkemas hala tuju universiti dengan menghimpunkan pengurusan tertinggi dan pegawai-pegawai kanan bagi membentuk formula ke arah matlamat tersebut.

Menurut Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan berkata, Bengkel yang dianjurkan bertujuan untuk meneruskan pencapaian gemilang universiti di peringkat global berpaksikan inisiatif strategik mengikut perkembangan semasa.

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Datuk Ir. Dr. Ahmad Zaidee Laidin serta wakil Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) turut hadir membentangkan amanat dan perspektif untuk dikongsi bersama peserta bengkel.

Naib Canselor yang ditemui melahirkan harapan Pelan Strategik UTeM 2012-2020 bakal memberi impak terhadap semua aspek utama universiti termasuk pembangunan holistik pelajar, meningkatkan pengantarabangsaan serta memacu budaya inovasi seterusnya menjadikan universiti ini selaku pusat pengajian tinggi teknikal terkemuka di dunia.

PUSPANITA CAWANGAN UTeM

bergerak seiring

WAWASAN NEGARA

7 Mac : Peranan wanita dalam memartabatkan ekonomi, sosial dan bidang kerjaya sememangnya tidak dinafikan kerana golongan ini telah banyak membantu dan bergerak seiring dalam merealisasikan agenda negara.

Bagi meneruskan agenda seterusnya, PUSPANITA Cawangan UTeM telah mengadakan Mesyuarat Agung di Auditorium Canselor Kampus Induk. Mesyuarat agung itu diadakan bagi tujuan pemilihan barisan ahli jawatankuasa baru PUSPANITA Cawangan UTeM serta perancangan aktiviti sepanjang tahun.

Mesyuarat telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Suaidi. Dalam ucapannya beliau menyeru ahli PUSPANITA Cawangan UTeM beriltizam dalam menyusun strategi secara berkesan dan proaktif sebagai sebuah badan amal, kebajikan dan sosial kepada ahli-ahlinya serta pada masa yang sama terus membantu UTeM dalam melaksanakan program dan aktiviti yang bermanfaat kepada masyarakat setempat.

Sementara itu, Pengerusi PUSPANITA Cawangan UTeM Datin Sara Ayub ketika menyampaikan ucapannya berkata, ahli-ahli PUSPANITA hendaklah sentiasa komited dan berazam tinggi dalam menggalas tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Komitmen itu haruslah diterjemahkan dengan sebaiknya dan beliau melahirkan keyakinan bahawa usaha murni ahli-ahli PUSPANITA dalam memajukan agenda negara sentiasa dipandang baik oleh masyarakat.



LAWATAN PENILAIAN AKREDITASI *oleh MQA* bagi PROGRAM DIPLOMA KEJURUTERAAN UTeM

6 Mac : Lawatan Penilaian Akreditasi Penuh Program Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah dilaksanakan hari ini dan dihadiri oleh 6 orang Ahli Panel Penilai (APP) serta dua orang Pegawai MQA.

Program Diploma Kejuruteraan UTeM yang terlibat semasa sesi lawatan dijalankan adalah Diploma Kejuruteraan Elektronik dari FKEKK, Diploma Kejuruteraan Elektrik dari FKE dan Diploma Kejuruteraan Pembuatan dari FKP.

Tujuan lawatan adalah untuk penilaian Akreditasi Penuh bagi program yang ditawarkan oleh UTeM serta melawat premis, makmal, bilik kuliah, peralatan dan sumber pendidikan berkaitan dengan program yang dinilai. Panel penilai juga mengadakan sesi temu bual dengan pihak pengurusan, staf akademik dan pelajar. Panel tersebut turut meninjau proses pengajaran dan pembelajaran di fakulti terlibat.



UTeM TUAN RUMAH KARNIVAL SUKAN IPT MELAKA 2012

26 Mac : Persekitaran kampus yang kondusif serta kemudahan sukan termoden menjadikan UTeM dipilih sebagai tuan rumah Karnival Sukan IPT Melaka 2012 yang julung kali diadakan pada 29 April ini.

Perkara tersebut diumumkan oleh Ketua Pusat Sukan UTeM, Hj. Ismail Abdol Jalil yang juga Setiausaha Jawatankuasa Induk karnival itu dalam satu mesyuarat yang diadakan di Kampus Induk di Durian Tunggal.

Menurut beliau, Karnival Sukan IPT Melaka 2012 dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Melaka dengan kerjasama IPT di negeri ini. Sebanyak 45 IPTA/IPTS di negeri Melaka akan terlibat dalam pelbagai acara sukan yang dianjurkan buat pertama kalinya.

Mengulas lanjut, beliau menyatakan bahawa karnival itu menawarkan 18 acara sukan, dua pertandingan kesenian dan satu acara khas bagi kanak-kanak. Antara acara yang dipertandingkan ialah seperti bola sepak 9 sebelah, bola tampar, sepak takraw, tarik tali, futsal, ping pong serta beberapa acara sukan lain.

Manakala acara kesenian yang dianjurkan ialah pertandingan koir dan kompiang termasuk pertandingan mewarna bagi kanak-kanak pra sekolah. Kesemua acara akan berlangsung di Kampus Induk UTeM.



Pelajar FKM Hasilkan Kenderaan Elektrik untuk PDRM

27 Mac : Berbekalkan konsep “Comel tapi Garang” pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) menghasilkan prototaip kenderaan elektrik untuk digunakan khusus oleh Polis Pelancong bersempena sambutan ulang tahun PDRM yang ke-205.

Idea asal untuk membangunkan projek kenderaan ini telah dicetuskan sendiri oleh pihak PDRM daripada Ibu Pejabat Polis Kontinjen Melaka. Daripada idea tersebut, projek ini kemudiannya dibangunkan oleh tiga orang pelajar tahun akhir daripada Jabatan Automotif FKM diketuai oleh Mohd Nawari Mat Sudin, Muhammad Hafizuddin Ahmad Murad dan Muhammad Asyraf Zulkefli di bawah seliaan Dr. Muhammad Zahir Hassan. Lakaran konsep rekabentuk asal badan pula terhasil daripada cetusan idea oleh pensyarah Jabatan Rekabentuk & Inovasi En. Syahibudil Ikhwan Abdul Kudus.

Satu majlis ringkas pengenalan kenderaan yang dikenali sebagai ZRT-Harimau Biru telah diadakan di Kampus Industri. Pada majlis tersebut telah diadakan penyerahan secara simbolik prototaip kenderaan Harimau Biru ciptaan pelajar dan pensyarah FKM kepada PDRM yang diwakili ASP Nor Azlinda daripada Ibu Pejabat Polis Kontinjen Melaka.

Kenderaan tiga roda itu menggunakan kuasa bateri untuk menggerakannya dan mampu mencapai kelajuan maksimum sehingga 60 km/jam. Dengan binaan yang kompak, kenderaan ini amat sesuai digunakan dalam operasi pengawasan di kawasan perlancongan di sekitar Bandar Hilir yang agak padat dan penuh dengan pelancong.



UTeM NAIB JUARA *Kejohanan* Ragbi 10 Sepasukan Tertutup Melaka



11 Mac : Pasukan ragbi UTeM terus mempamerkan prestasi cemerlang apabila berjaya meraih naib johan pada Kejohanan Ragbi 10 Sepasukan Tertutup Melaka yang berakhir hari ini.

UTeM memulakan saingan di peringkat kumpulan dengan mengenyepikan cabaran Kolej Profesional MARA (KPM) dengan mata 38-0, sebelum menewaskan pasukan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM) Melaka bawah 18 tahun dengan kiraan 12-0. Bermain di peringkat suku akhir memperlihatkan permainan seimbang dengan aksi bertenaga yang ditunjukkan oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM) namun pemain UTeM bijak mengawal benteng pertahanan dan melancarkan serangan kilat ke kubu lawan.

Hasil pertemuan tersebut, UTeM layak ke separuh akhir apabila berjaya membenam ATM dengan mata 19-3. Menanti di peringkat separuh akhir ialah pasukan bekas pelajar Kolej Yayasan Saad (KYSer) yang memberi tentangan hebat namun UTeM terus mempamerkan semangat juang yang tinggi dengan keputusan berkesudahan 17-7.

Melangkah ke peringkat akhir kejohanan menyaksikan pertembungan dua seteru ragbi di kalangan IPTA Melaka apabila UTeM berhadapan dengan pasukan Politeknik Merlimau. Ternyata tuah milik Politeknik Merlimau apabila berjaya menewaskan UTeM dengan satu try (0-5) di akhir wisel penamat.

Kekalahan di tangan Politeknik Merlimau terubat apabila scrum half UTeM, Mohd Azri Jaafar dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) dinobatkan sebagai pemain terbaik kejohanan itu.



Lawatan Industri *berisi* Pendedahan Berguna Pelajar FKE

14 Mac : Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) mengambil inisiatif memberi pendedahan kepada pelajarannya dengan konsep kejuruteraan perindustrian sebenar melalui beberapa siri lawatan industri baru-baru ini.



Lawatan ke sebuah syarikat multinasional iaitu Bosch Rexroth di Shah Alam telah dianjurkan melibatkan 90 orang pelajar tahun tiga program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanik khususnya yang mengambil subjek Sistem Hidraulik & Pneumatik.

Dekan FKE, Prof Madya Dr. Zulkiflie Ibrahim berkata, aktiviti itu penting bagi memberi gambaran sebenar bidang kejuruteraan dan industri secara praktikal kepada para pelajarannya.

Bosch Rexroth merupakan syarikat antarabangsa terkemuka di dunia dalam bidang kejuruteraan pemacu dan kawalan yang menawarkan pelbagai jenis produk dan perkhidmatan termasuk Industrial and Mobile Hydraulics, Pneumatics dan Linear Motion and Assembly.

Menariknya pengetahuan peserta lawatan turut diuji menerusi soalan-soalan dalam bentuk kajian kes untuk tujuan pemarkahan selain menilai sendiri keberkesanan program tersebut kepada para pelajar.



Pertandingan MENEMBAK KOR SUKSIS

31 Mac : Bertempat di Lapangan Sasar Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Melaka telah berlangsungnya pertandingan menembak melibatkan 189 anggota Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (SUKSIS) UTeM.

Pertandingan itu menyaksikan peserta beradu kemahiran dan ketepatan dalam mengendalikan senjata yang digunakan dalam PDRM iaitu pistol Revolver .38 mm dan raifal M16.

Menurut Pegawai Latihan Kor SUKSIS, Inspektor Daud Awang Min berkata, pertandingan yang dianjurkan merupakan acara tahunan badan beruniform itu bertujuan melahirkan anggota berdisiplin, memiliki keyakinan tinggi serta berkarisma.

Jelasnya lagi, pertandingan itu adalah lanjutan daripada sesi latihan menembak yang telah diadakan sebelum ini selain menilai tahap kemahiran anggota Kor SUKSIS mengendalikan senjata termasuk aspek keselamatan.

PELAJAR FTK CEMERLANG di *Pertandingan* "AMPHIBIOUS ELECTRIC VEHICLE (AEV) 2012"



24 Mac : Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) telah mengambil bahagian dalam "Amphibious Electric Vehicle (AEV) 2012 Competiton" anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang berlangsung di Pusat Sains Negara, Bukit Kiara, Kuala Lumpur.

Pertandingan itu memerlukan peserta bersaing dengan merekabentuk dan membina sebuah kenderaan mini berkuasa elektrik yang boleh bergerak pada permukaan darat dan juga air (kenderaan amfibia bermotor).

Mengambil nama Violet sebagai nama kumpulan, pasukan dari FTK telah berjaya merangkul tempat ketiga dari 21 pasukan bertanding dalam kategori terbuka dan membawa pulang hadiah wang tunai dan juga piala iringan.

Penyertaan FTK terdiri daripada empat orang pelajar tahun pertama dari kursus Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Telekomunikasi) iaitu Muhammad Taufiq Amri Sahard'din, Muhammad Zubir Ramli, Muhammad Azlan Shah Ibrahim dan Safiuddin Azri Mohd Hassan Zaini. Turut mengiringi mereka ialah Azizi Osman yang bertindak sebagai pembimbing. Bangga dengan kejayaan yang dicapai, Azizi memuji kesungguhan pelajar-pelajar di bawah bimbingan beliau.

"Dengan kesungguhan yang ditunjukkan oleh pelajar-pelajar ini dalam masa yang singkat membuktikan komitmen dan semangat yang ada pada mereka. Kejayaan ini membuktikan bahawa mereka mampu bersaing pada peringkat yang lebih tinggi jika terus kekal dengan ketekunan yang ditunjukkan," jelas Azizi.

MAHASISWA PUPUK KESEDARAN BANTERAS GEJALA RASUAH



23 Mac : Sekretariat Pencegahan Rasuah UTeM (SPR UTeM) dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengambil langkah proaktif dengan menganjurkan Kempen Anti Rasuah (KEMAR) 2012 di Kampus Induk Durian Tunggal baru-baru ini.

Program itu turut dijalankan serentak di Kampus Industri Ayer Keroh dan Kampus Bandar di Jalan Hang Tuah Melaka bertemakan "Mahasiswa Berintegriti, Ganyang Rasuah".

Menurut Pengarah Program berkenaan Nur Hidayah Jadid berkata, kempen tersebut menyemai nilai-nilai murni dalam diri setiap mahasiswa serta penerapan ke arah melahirkan masyarakat berintegriti dengan memberi pendedahan jelas tentang inisiatif dan langkah yang boleh diambil bersama-sama SPRM untuk membanteras gejala rasuah.

"Antara program yang dijalankan ialah pengedaran poster, risalah serta borang soal selidik mengenai bahaya rasuah kepada mahasiswa UTeM di ketiga-tiga kampus. Turut diedarkan pelekat kenderaan serta penganjuran sesi ceramah agama yang bertajuk Halalkah Rezekinya," kata Nur Hidayah.

Melalui program tersebut, mahasiswa bergabung tenaga menyatakan pendirian tegas terhadap isu rasuah yang boleh merosakkan masa depan negara dan contoh yang jelas dapat dilihat apabila banyak negara menjadi kucar kacir akibat amalan rasuah yang berleluasa, tambahna lagi.



Pertandingan Kenderaan Amfibia Berkuasa Solar



15 Mac : Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) dengan kerjasama Persatuan Pelajar FKE telah mengadakan pertandingan 'Anura Vehicle Challenge' (AVC) 2012 bertemakan "Solar Energy: Driving Toward The Future".

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Dekan FKE, Prof. Madya Dr Zulkiflie Ibrahim dan dihadiri oleh staf dan pelajar yang begitu teruja untuk menyaksikan pertandingan sebegini.

Menurut Dr. Zulkiflie berkata, pertandingan itu diadakan bertujuan mencungkil bakat, kreativiti seterusnya membentuk budaya inovasi tinggi dalam kalangan warga universiti.

Tambah beliau lagi, pertandingan diadakan di peringkat fakulti sebagai persiapan bagi menyahut kejohanan yang lebih besar iaitu Amphibious Electric Vehicle 2012 anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pada bulan September nanti.

Tempat pertama diungguli oleh kumpulan EVA 01(Wong Han Siong, Tan Weng Chun dan Foo Jia Jiann) dan rekabentuk terbaik telah dimenangi oleh kumpulan ARENA LTH (Loke Kien Yeow, Hee Wai Keat dan Tan Chia Wei).

PELAJAR CEMERLANG FPTT & FKE *diraikan*



13 Mac : Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) hari ini mengiktiraf pelajar cemerlang dalam bidang akademik dengan melangsungkan Majlis Anugerah Sijil Kepujian Dekan Semester 1 bagi sesi akademik 2011/2012. Majlis itu telah diadakan di Dewan Konvensyen Kampus Bandar.

Seramai 91 orang pelajar FPTT dari pelbagai pengkhususan telah menerima Sijil Kepujian Dekan di atas kecemerlangan akademik dengan pencapaian GPA 3.50 dan ke atas. Manakala Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) juga melangsungkan Majlis Anugerah Sijil Kepujian Dekan sebagai tanda pengiktirafan pencapaian cemerlang pelajar fakulti itu .

Seramai 212 orang pelajar Semester 1 Sesi 2011/2012 dan 266 orang pelajar Semester 2 Sesi 2010/2011 dari FKE berjaya memperolehi anugerah Sijil Kepujian Dekan.



Pusat Islam *anjur aktiviti* Sempena Musim Cuti Sekolah



14 Mac : Bersesuaian dengan fungsi masjid sebagai pusat pengembangan ilmu pengetahuan, maka Pusat Islam UTeM mengambil inisiatif menganjurkan Program Smart Solat dan Smart Tahfiz bertempat di Masjid Sayyidina Abu Bakar, Kampus Induk UTeM di sini.

Program yang disasarkan penyertaan anak-anak staf universiti ini berjaya mengumpulkan seramai 85 orang peserta berumur enam hingga 14 tahun bagi memenuhi aktiviti sempena musim cuti sekolah yang sedang berlangsung.

Menurut setiasaha program tersebut, Ustaz Aswanzie Abzyd Zainal Abidin berkata, Smart Solat dan Smart Tahfiz memberi penekanan terhadap teknik-teknik dalam mengerjakan solat dengan betul, hafalan surah-surah lazim, perkara asas fardhu ain serta penerapan akhlak terpuji dalam kalangan peserta.

Jelasnya lagi, inisiatif ini adalah selaras dengan fungsi masjid sebagai tempat perkembangan ilmu di samping memupuk sifat cintakan masjid dalam kalangan kanak-kanak.

“Diharapkan selepas program ini tamat, peserta akan mempraktikkan ilmu diperolehi dengan sempurna seterusnya mampu melahirkan generasi muda yang cintakan masjid dan berakhlak mulia”, kata Ustaz Aswanzie lagi.

Salah seorang peserta program itu, Rodhiatul Syakirah Radzuan, 14, yang ditemui berkata, aktiviti yang dijalankan sangat menarik kerana saya dapat mempelajari teknik hafalan surah dan doa harian dengan sempurna di samping berpeluang menambah kenalan baru.



PERPUSTAKAAN UTeM *pertingkat* KUALITI PERKHIDMATAN MELALUI PENGUNAAN TEKNOLOGI

16 Mac : Perpustakaan UTeM terus meningkatkan kualiti perkhidmatan melalui penggunaan peralatan berteknologi tinggi bagi memudahkan pengguna terutama sekali mahasiswa berurusan dengan mudah dan cepat tanpa mengira waktu.

Baru-baru ini Perpustakaan UTeM melancarkan kempen penggunaan mesin layan diri yang mampu memberi kemudahan kepada pengguna dalam urusan peminjaman dan pemulangan buku.

Mesin layan diri tersebut dikenali sebagai ‘Self Check’ untuk pinjaman buku dan ‘Book Drop’ untuk pemulangan buku telah beroperasi sepenuhnya dan mendapat sambutan menggalakkan daripada mahasiswa universiti ini.

Menurut Ketua Pustakawan Hjh Faridah Md. Amin berkata, penggunaan kedua-dua jenis mesin layan diri tersebut adalah untuk menjimatkan masa pengguna kerana buku-buku yang dipinjam mahupun dipulangkan akan diselesaikan dalam masa yang singkat.

“Melalui kemudahan yang disediakan, pengguna hanya perlu mengimbas (scan) kad pelajar dan buku yang hendak dipinjam ke mesin Self Check dan dalam beberapa saat sahaja slip pinjaman akan dicetak,” jelas Hjh Faridah ketika ditemui di pejabatnya di Kampus Induk, Durian Tunggal.

“Manakala pemulangan buku dapat dilakukan pada bila-bila masa walaupun waktu urusan perpustakaan telah tamat kerana mesin Book Drop beroperasi 24 jam dan ini memberi kemudahan kepada mahasiswa untuk memulangkan buku mengikut kesesuaian masa sendiri,” kata beliau lagi.

Perpustakaan UTeM pada masa ini turut menempatkan mesin layan diri tersebut di beberapa cawangannya di Kampus Industri Ayer Keroh dan di Kampus Bandar di Jalan Hang Tuah, Bandaraya Melaka.

FKM *ungguli* Pertandingan Dikir Barat *antara* Fakulti



28 Mac : Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) telah dinobatkan sebagai johan Pertandingan Dikir Barat Antara Fakulti 2012 yang berlangsung di Pusat Persatuan Pelajar (PPP), Kampus Induk Durian Tunggal.

Selaku johan pasukan FKM berjaya membawa pulang wang tunai sebanyak RM 500 beserta trofi dan pingat. Dalam masa yang sama tuah berganda kepada mereka apabila turut menjulang trofi tukang karut dan juara terbaik.

Manakala Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) dinobatkan naib johan memenangi wang tunai RM 300 beserta pingat dan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousawanan (FPTT) pula mendapat tempat ketiga dengan membawa pulang wang tunai RM 200 dan pingat.

Menurut Penolong Naib Canselor (HEPA) Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman berkata, tujuan pertandingan ini diadakan adalah bagi memperkenalkan seni dikir barat kepada masyarakat kampus di samping mencungkil bakat-bakat baru bagi mewakili UTeM dalam pertandingan anjuran Majlis Kebudayaan Universiti Malaysia (MAKUM).

Naib Canselor UTeM *rasmi* Kejohanan Olahraga KYS



8 Mac : Kepimpinan Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan dalam memajukan bidang sukan ke peringkat yang lebih tinggi mendapat pengiktirafan banyak pihak.

Hari ini beliau telah diundang khas oleh Kolej Yayasan Saad (KYS) untuk merasmikan Kejohanan Olahraga KYS kali ke-17 bertempat di Kompleks Sukan kolej tersebut.

Dalam ucapan perasmian, Dr. Ahmad Yusoff menyeru pelajar-pelajar KYS menjadikan sukan sebagai platform memajukan potensi diri agar seimbang dengan pencapaian cemerlang dalam bidang akademik. “Modal insan merupakan pelaburan terpenting bagi pembangunan sesebuah negara dan menjadi teras kepada inovasi dan ekonomi berpendapatan tinggi yang produktif. Justeru, sukan dilihat sebagai salah satu elemen kecerdasan dalam melatih modal insan agar sentiasa bergerak aktif, cergas, sihat dan berfikiran positif,” kata Dr. Ahmad Yusoff sewaktu menyampaikan ucapannya.

Hadir sama pada majlis perasmian sukan itu ialah Ahli Lembaga Pengelola KYS Hasnah Saad, Pengarah Urusan KYS College Sdn. Bhd Nor Azlan Bin Sulaiman, Pengarah Pengajian KYS Dr. Chia Keng Boon serta Pegawai-Pegawai Jabatan Pelajaran Negeri Melaka.





Hari Keluarga FKE *berlangsung Meriah*

3 Mac : Seramai 161 orang terdiri daripada ahli keluarga dan kakitangan Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) telah menayakan Hari Keluarga yang telah berlangsung di Port Dickson.

Menurut Ketua Biro Kebajikan FKE Abd Aziz Mustapha berkata, objektif program diadakan sebagai satu simbolik menyampaikan penghargaan kepada semua staf dari fakulti itu di samping mengeratkan hubungan silaturrahim dalam kalangan mereka.

Program itu diselitkan dengan beberapa aktiviti yang melibatkan penyertaan dari kalangan kakitangan bersama ahli keluarga masing-masing seperti acara sukaneka antaranya acara tarik tali, cari gula dalam tepung dan beberapa acara lain.

Dekan FKE, Prof. Madya Dr. Zulkifilie Ibrahim berkata, program seumpama itu telah berjaya membentuk hubungan kekeluargaan yang lebih erat dalam kalangan kakitangan serta keluarga di samping menjadi platform kepada mereka untuk lebih mengenali antara satu sama lain.



KLINIK PELAJAR *anjur* PROGRAM KESEDARAN PENYAKIT TIBI

29 Mac : Klinik Pelajar Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UTeM telah menganjurkan Program Kesedaran Penyakit Tibi di Auditorium Canselor di Kampus Induk Durian Tunggal.

Menurut Pegawai Perubatan Klinik Pelajar, Dr. Noor Raffidah Haron berkata, program anjuran bersama Jabatan Kesihatan Negeri Melaka dan Persatuan Bagi Mencegah Penyakit Tibi Malaysia (MAPTB) bertujuan meningkatkan kesedaran kesihatan mengenai penyakit tibi yang mudah berjangkit dan boleh membawa maut serta menggalakkan individu yang mempunyai tanda-tanda penyakit itu bertindak awal untuk menerima rawatan.

Majlis dirasmikan oleh Dr. Rosdi Abdul Rahman Pegawai Kesihatan Daerah Melaka Tengah mewakili Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Melaka.

Turut hadir Datuk Kian Sit Har Presiden MAPTB, pegawai-pegawai HEPA dan 100 orang kakitangan dan pelajar UTeM. Ceramah mengenai tibi telah disampaikan oleh Dr. Siti Halimah Syed Shaikh, Pegawai Epidimiologi Negeri Melaka.

Ketika menyampaikan ucapan perasmian, Dr. Rosdi memaklumkan penyakit tibi atau sering dipanggil batuk kering adalah penyakit berjangkit yang berbahaya kedua tertinggi selepas denggi.

Beliau turut memuji inisiatif UTeM dalam menghebahkan bahaya penyakit tibi dalam kalangan warganya melalui penganjuran ceramah dan pameran kesihatan yang diadakan.

Pejabat HEPA *anjur* Program Kerohanian TERAP PENGHAYATAN ISLAM

20 Mac : Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) telah menganjurkan program kuliah agama bulanan di ruang legar pejabat tersebut hari ini.

Kuliah agama di pejabat HEPA telah disampaikan oleh Pembantu Hal Ehwal Islam Masjid Sayyidina Abu Bakar UTeM Ustaz Muhammad Ridhwan Mohd Danian. Beliau menyampaikan kuliah yang bertajuk "Fiqh Mudah."

Dalam kuliah tersebut Muhammad Ridhwan mengingatkan kakitangan agar mengikuti dan menghayati perjuangan sebenar Nabi Muhammad SAW dalam menegakkan syiar Islam.

"Setiap hamba Allah harus bersyukur tentang apa yang telah diberikan dan dikurniakan serta mengikuti Sunnah Wal Jamaah. Pada masa kini terdapat banyak unsur yang cuba untuk menyesatkan umat Islam dan kita seharusnya berhati-hati agar tidak tergelincir daripada landasan akidah," ujar Muhammad Ridwan.

Beliau turut menyeru kakitangan HEPA agar sentiasa mengamalkan budaya kerja yang terpuji selaras dengan kehendak Islam dan amalan tersebut merupakan kunci kepada kejayaan individu seterusnya memberi kesan terhadap organisasi.



Berita@UTeM
mengucapkan **TAHNIAH** kepada staf berikut yang telah menerima kelahiran cahaya mata baru-baru ini.



Nama Staf :
Nurhafidz bin Abdul Sahak (PPKK, Canselor) & Norashidah binti Tajuddin (FPTT)
Nama Anak : **Muhammad Qaireen Wafiy bin Nurhafidz**
Tarikh Lahir : **30 Mac 2012**



FADLIE BIN YAAKOP
PELUKIS PELAN
PEJABAT PEMBANGUNAN

Menyertai UTeM pada tahun 2008, Fadlie merupakan seorang pelukis pelan yang berpengalaman luas. Kesungguhan dan komitmen yang tinggi menjadikan beliau sebagai pemenang anugerah Persatuan Arkitek Malaysia (PAM) pada tahun 2007.

Pada ketika ini Fadlie terlibat dalam kerja-kerja penghasilan lukisan persembahan 3D untuk hiasan dalaman serta bangunan universiti. Beliau juga menyediakan lukisan persembahan untuk majlis konvokesyen setiap tahun.

Bakat dan semangat kesukanan yang tinggi dalam arena boling padang menjadikan beliau antara atlet yang disegani. Fadlie mewakili UTeM dalam Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM) serta MAKSAK dan keaparannya turut menyumbang pingat kepada pasukan.

Beliau yang baru sahaja menamatkan saingan boling padang dalam Sukan Antara Jabatan (SAJ) tahun ini berjaya meraih tempat kedua terbaik keseluruhan. Bagi dirinya usaha, kesungguhan dan keikhlasan yang berterusan akan menjamin kejayaan di kemudian hari.



ROHAYATI BINTI ABDULLAH
SETIAUSAHA PEJABAT
PUSAT BAHASA DAN PEMBANGUNAN INSAN
(PBPI)

Mula berkhidmat di UTeM pada tahun 2003 dan ditempatkan di Pusat Universiti Industri (UNIC). Seterusnya pada tahun 2008 beliau ditempatkan di PBPI untuk melaksanakan urusan pentadbiran pusat tersebut.

Seorang yang aktif dalam persatuan, Rohayati merupakan Setiausaha Biro Agama PUSPANITA Cawangan UTeM. Peranan yang dimainkan beliau dalam badan tersebut amat besar dengan penganjuran pelbagai aktiviti pembangunan sahsiah dan kerohanian.

Berganding bahu dengan ahli-ahli PUSPANITA yang lain, beliau terlibat dalam penganjuran Bengkel Solat, Tazkirah Mega serta Majlis Iftar yang bertujuan memberi ilmu pengetahuan dan mengeratkan hubungan sesama ahli.

Menerapkan nilai-nilai murni dalam menjalankan tugas yang diamanahkan, Rohayati percaya bahawa keikhlasan dan kesungguhan bekerja akan memberikan kepuasan dan kesan kepada hubungan Yang Maha Esa dan manusia di sekeliling.



Temasya Olahraga Tahunan medan cengkil BAKAT BARU

10 Mac : Bertempat di Kompleks Sukan UTeM telah berlangsungnya Temasya Olahraga Tahunan 2012 yang disertai oleh mahasiswa dan staf universiti ini.

Dalam temasya yang berlangsung sehari itu, pasukan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) telah muncul selaku johan keseluruhan kategori mahasiswa dengan memenangi 10 emas 10 perak dan 4 gangsa. Naib johan pula disandang oleh Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dengan memenangi 7 emas, 3 perak dan 4 gangsa, manakala tempat ketiga dimenangi oleh pasukan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) dengan memenangi 3 emas, 7 perak dan 5 gangsa.

Sementara itu Pejabat Pendaftar pula mengungguli kategori staf dengan memperolehi 5 emas, 3 perak dan 6 gangsa. Naib Johan pula disandang oleh pasukan Pejabat Bendahari dengan 4 emas, 3 perak dan 6 gangsa manakala tempat ketiga dimenangi oleh pasukan Canselori dengan memperolehi 4 emas dan 1 perak.

Menurut Dr. Ahmad Yusoff yang ditemui media berkata, kejohanan ini diadakan bagi mencungkil bakat-bakat baru untuk mewakili UTeM dalam pelbagai kejohanan yang akan dianjurkan samada di peringkat universiti mahupun di peringkat IPT serta membentuk budaya hidup sihat dan cergas dalam kalanganarganya.



Program 'JOM SIHAT' CETUS BUDAYA HIDUP AKTIF

21 Mac : Seramai 100 orang kakitangan Pejabat Canselori menjayakan Program 'Jom Sihat' yang telah diadakan di Kampus Induk Durian Tunggal.

Program yang mendapat sambutan ramai itu anjuran Pejabat Khidmat Pengurusan (PKP) yang julung kali diadakan dan akan disusuli sebagai aktiviti bulanan pada masa akan datang.

Menurut Pengarah PKP Zainal Bidin berkata, objektif diadakan program 'Jom Sihat' adalah bagi memupuk minat dalam kalangan kakitangan agar cenderung kepada aktiviti riadah dan rekreasi.

Program dimulakan dengan sesi memanaskan badan disusuli dengan aktiviti berbasikal di sekitar Kampus Induk melalui jalan-jalan utama sekitar kampus ini. Naib Canselor serta pegawai-pegawai kanan universiti tidak ketinggalan memeriahkan program yang dianjurkan itu.

Dr. Ahmad Yusoff ketika ditemui di akhir program berkata, pihak universiti sentiasa memberi galakan dan sokongan bagi aktiviti riadah sebegini dalam usaha mencorak budaya hidup sihat dalam kalangan kakitangan.

"Aktiviti 'Jom Sihat' berkonsepkan riadah dan rekreasi turut merapatkan hubungan silaturrahim sesama warga universiti dan senario ini diharap menjadi satu fenomena positif", jelas beliau.

